

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 DECEMBER 2016

# Tun M hina berjuta penerima

BH- 27/12/2016

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad menghina berjuta penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) apabila bukan sahaja mengatakan program bantuan itu sebagai rasuah, malah bercanggah dengan undang-undang.

Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata BR1M ialah satu dasar yang direka dengan cara mengagihkan cukai diterima daripada kumpulan berpendapatan tinggi kepada kumpulan isi rumah 40 peratus terbawah (B40).

Katanya, manakala dasar gaji minimum pula untuk memastikan pekerja yang dibayar gaji rendah mendapat bayaran gaji yang adil, selain turut berkesan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

“Semua dasar ini adalah sebahagian daripada Program Transformasi Nasional yang akan membolehkan Malaysia mencapai objektif utama menjadi sebuah negara sejahtera.

“BR1M dan dasar gaji minimum bukanlah rasuah. Sebaliknya ia membantu mencapai sasaran objektif ekonomi negara,” katanya



BR1M dan dasar gaji minimum bukanlah rasuah. Sebaliknya ia membantu mencapai sasaran objektif ekonomi negara”

**Abdul Rahman Dahlan,**  
Pengarah Komunikasi Strategik  
Barisan Nasional

dalam kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook, semalam.

## Seimbangkan ekonomi

Abdul Rahman berkata, BR1M juga membantu usaha kerajaan dalam menyeimbangkan semula ekonomi dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi tempatan.

Selain itu, katanya, ia juga membantu melindungi Malaysia terhadap ketidaktentuan ekonomi global dan menjadikan ekonomi negara lebih kukuh.

“BR1M membantu negara dalam usaha kerajaan untuk mengagihkan semula pendapatan dan merangsang ekonomi luar bandar. Ini telah meningkatkan ekonomi dalam negara.

“Di sebalik pertumbuhan global yang lebih perlahan dan kejatuhan harga komoditi global, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia meningkat kepada 4.3 peratus pada suku ketiga. Ini menunjukkan usaha kerajaan berhasil.

“Maka adalah tidak ragu-ragu lagi semua dasar yang dibuat kerajaan juga membantu meningkatkan kesamaan pendapatan,” katanya.